

25 JUL 1999

Ling-Lapangan Terbang

SIKAP YANG BETUL PERLU DALAM MENJAGA KEDUDUKAN KLIA, KATA LING

SEPANG, 25 Julai (Bernama) -- Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) mesti terus berusaha memperbaiki semua aspek kemudahannya untuk mengekalkan kedudukannya sebagai antara lapangan terbang terbaik di dunia.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata, bukan mudah untuk kekal sebagai antara yang terbaik dan cabaran kini ialah cara-cara mengekalkan dan meningkatkan taraf pencapaian sehingga ini.

"Kita mesti mempunyai sikap apa yang kita buat tahun ini adalah lebih baik daripada yang kita buat tahun lepas dan apa yang kita lakukan tahun depan lebih baik daripada tahun ini," kata beliau semasa ditanya mengenai usaha-usaha yang perlu diambil untuk meningkatkan lagi imej KLIA selepas satu siri anugerah kerana kecemerlangan dalam pelbagai kategori.

Dr Ling memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan pertandingan pukulan golf terjauh di Malaysia di landasan KLIA yang diadakan sempena ulangtahun pertama lapangan terbang itu, di sini.

Mengenai cadangan baru-baru ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang lapangan-lapangan terbang diberi penarafan seperti hotel-hotel, Dr Ling berkata pihak yang paling sesuai membuat penilaian ialah para pengguna lapangan terbang itu sendiri melalui tinjauan badan-badan seperti Persatuan Perjalanan Udara Antarabangsa (IATA).

Mengenai rancangan Penerbangan Malaysia (MAS) dalam menghadapi masalah sistem komputer Y2K apabila tiba tahun 2000, Menteri itu berkata Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan IATA akan mengemukakan syor bagaimana syarikat-syarikat penerbangan akan menanganinya.

"Semua langkah-langkah keselamatan sedang disiasat dan mereka akan mengemukakan syor-syor," dan menambah kata syor itu mungkin termasuk menjadikan penerbangan satu hala sahaja di beberapa laluan.

Adalah dilaporkan yang laluan udara di Asia-Pasifik akan diasingkan menjadi satu hala pada 31 Dis ini di bawah pelan kontingensi terhadap sebarang masalah Y2K.

Mengenai perkara lain, Dr Ling yang juga presiden MCA, mengkritik PAS kerana niatnya untuk menutup syarikat-syarikat akhbar serta stesen-stesen televisyen yang dianggap sebagai penyokong Barisan Nasional (BN) jika parti itu (PAS) berkuasa.

"Jika ini dilaksanakan, kita tidak akan mempunyai sekatan dan imbalan, tiada sistem amaran kerana media tidak akan dapat menyampaikan maklumat kepada rakyat akan apa yang berlaku."

"Hanya PAS dan DAP boleh memikirkan perkara seperti itu dan ia memang gila, melangkah 1,000 tahun ke belakang," katanya apabila mengulas laporan muka depan Utusan Malaysia yang memetik presiden PAS Datuk Fadzil Noor sebagai berkata.

Sementara itu, Pengarah Urusan Malaysia Airports Berhad (MAB) Datuk Khairuddin Ibrahim berkata, syarikat itu akan meneruskan operasi semua lapangan terbang kecil di negara ini walaupun mengalami kerugian daripada operasi itu.

Beliau berkata, kerugian itu tidak besar dan tidak menjejaskan keuntungan Malaysia Airports.

Khairuddin berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai kerugian tahunan berjumlah RM600,000 kerana operasi 22 lapangan terbang kecil di bawah syarikat itu. Terdapat 38 lapangan terbang di bawah MAB.

Mengenai sama ada terdapat cadangan menutup lapangan terbang kecil itu, beliau berkata: "Selagi ada penerbangan, kita sebagai pengurus lapangan

terbang akan meneruskan perkhidmatan kita. Apabila syarikat penerbangan memutuskan supaya penerbangan tidak lagi diteruskan ke lapangan-lapangan terbang itu, baru kita akan menutupnya."

Mengenai cadangan menyenaraikan MAB di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) beliau berkata, terpulang kepada kerajaan untuk memaklumpkannya.

Khairuddin juga berkata, setelah genap setahun pembukaan KLIA, operasi KLIA semakin stabil dan MAB kini meninjau cara-cara meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggannya.

Tujuan utama acara hari ini yang dianjurkan oleh Pan Pacific Hotel KLIA ialah untuk memecahkan rekod pukulan golf terjauh iaitu 340.4m yang dicatatkan oleh pemain golf penuh masa Mohd Khalifah Ali tahun lepas dicatatkan dalam Malaysia Book of Records.

Sebahagian daripada kutipan masuk oleh hotel itu akan disalurkan untuk membantu pelarian Kosovar.

-- BERNAMA

MAM PR